

27/05/2004

Surat terbuka untuk Abdurrahman Wahid

By Mustapa Omar

Bapak Gus Dur,

PERTAMA kali bertemu bapak 12 tahun lalu, saya kagum melihat bagaimana bapak memimpin lebih 38 juta umat Islam pengikut Nahdatul Ulama, gerakan Islam terbesar di Indonesia yang jumlah ahlinya lebih ramai daripada rakyat Malaysia. Pertemuan itu berlangsung ketika musyawarah nasional NU di Lampung, Sumatera.

Sekali lagi saya bertemu bapak kira-kira enam tahun kemudian di Masjid Kampung Baru, Kuala Lumpur, dalam kesibukan bapak menerima kunjungan rakyat Indonesia sempena lawatan bapak ke Malaysia. Bapak masih mengenali saya walaupun ketika itu penglihatan bapak sudah kabur.

Bagaimanapun, ketika reformasi sedang membara di Indonesia, bapak membuat kejutan apabila dipilih sebagai presiden republik itu pada Oktober 1999, menggantikan B J Habibie. Lalu tercatatlah nama bapak sebagai presiden pertama era reformasi. Sekali lagi saya kagum kerana dalam beratus juta rakyat Indonesia, mereka memilih seorang tua yang kabur matanya untuk memimpin negara.

Ternyata, bapak tidak mampu bertahan lama di kerusi nombor satu itu. Tidak sampai dua tahun, bapak dijatuhkan oleh rakyat yang terlalu memuliakan bapak sebelum itu. Pelbagai kelemahan bapak dibongkar termasuk tindakan bapak yang tidak mengikut Perlembagaan dan menghabiskan lebih banyak masa melawat negara luar, malah ketika ekonomi Indonesia dalam keadaan tenat, bapak masih mampu melawat negara asing.

Apapun, bapak memang seorang yang bijak menguasai keadaan. Malah, bapak memiliki satu kelebihan yang tidak ada pada Presiden Indonesia lain. Sukarno tidak boleh, Suharto tidak mampu, begitu juga Habibie dan Megawati Sukarnoputri.

Hanya bapak yang pernah melakukannya dalam satu persidangan antarabangsa di Bali apabila berjaya membuatkan seluruh hadirin, termasuk ramai pemimpin negara lain ketawa terbahak-bahak.

Ketika itu bapak bercakap mengenai diri sendiri sebagai Presiden Indonesia dan Ibu Mega yang pendiam sebagai naib presiden. "Kami berdua akan jadi satu pasukan yang sempurna. Saya tidak dapat melihat dan dia tidak boleh berkata-kata." Bapak sendiri mengakui kecacatan bapak yang ketika itu sudah hampir buta.

Tetapi, sekadar membuatkan orang ketawa tidak mampu mengekalkan bapak di Istana Merdeka. Indonesia memerlukan seorang presiden yang mampu memulihkan ekonominya, menjamin kesejahteraan hidup rakyatnya dan yang paling penting, seorang yang mampu menyatupadukan lebih 230 juta warganya yang tinggal di ribuan pulau.

Anehnya, dalam pilihan raya presiden kali ini, bapak cuba untuk kembali berkuasa. Apabila Jawatankuasa Pemilihan Umum (KPU) menolak pencalonan bapak berdasarkan tahap kesihatan bapak yang uzur iaitu tidak dapat melihat dengan baik, bapak marah dan mengemukakan saman Rp1 trilion (RM410 juta) terhadap KPU dan Kementerian Kesihatan.

Selain itu, bapak juga mengancam memulaukan pilihan raya presiden 4 Julai depan, manakala penyokong bapak yang kebanyakannya ahli Parti Kebangkitan Bangsa (PKB) dan pengikut NU mengadakan demonstrasi. Mujurlah bapak cepat sedar dan berjaya menyuraikan mereka serta membatalkan niat memulaukan pilihan raya presiden.

Bapak mempertikaikan keputusan KPU kerana menurut bapak tugas seorang presiden ialah membuat dasar dan bukan hanya membaca teks ucapan. Jadi

orang yang hampir buta juga layak menjadi presiden. Tetapi, bapak terlupa bahawa rakyat Indonesia sekarang sudah sedar kesilapan mereka sebelum ini. Mereka kini tidak mahu lagi menanggung malu apabila dicemuh kerana mempunyai seorang presiden buta.

Seorang presiden sewajarnya sihat sejahtera pancainderanya. Jika salah satunya tidak sihat, eloklah jangan jadi presiden kerana menguruskan sebuah negara bangsa seperti Indonesia bukan mudah dan ia memerlukan seorang yang bukan saja sihat tubuh badan, tetapi juga mental. Kesihatan yang baik akan melahirkan kepemimpinan yang mantap.

Mungkin juga bapak boleh mencontohi Sonia Gandhi atau Nelson Mandela. Walaupun partinya menang pilihan raya, Sonia menolak untuk dilantik sebagai Perdana Menteri India kerana tidak mahu asal usulnya terus dipertikai selain bimbang dia juga akan mengikut jejak mentua dan suaminya yang mati dibunuh.

Mandela pula melepaskan jawatan Presiden Afrika Selatan bagi memberi peluang kepada tokoh lain yang lebih muda, walaupun ketika itu dia masih popular.

Jika tidak pun, bapak boleh mencontohi Tun Dr Mahathir Mohamad yang melepaskan jawatan Perdana Menteri ketika rakyat terlalu menyayanginya dan masih mengharapakan kepemimpinannya.

Oleh itu, lupakanlah hasrat bapak mahu bertanding jawatan presiden, sebaliknya berilah tumpuan kepada NU yang tentunya dahagakan kepemimpinan bapak. Saya percaya rakyat Indonesia amat mencintai seorang Gus Dur yang telah banyak berkorban bagi demokrasi. Sekaranglah saatnya bapak menikmati penghormatan bangsa. Jangan sampai rakyat Indonesia membenci bapak kerana terlalu tamakkan kuasa.

Wassalam.

(END)